



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **INTERAKSI ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI SEBUAH SEKOLAH**

**ADEK YONG ROSMAH HJ DAHALAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2013**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **INTERAKSI ETNIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI SEBUAH SEKOLAH**

**ADEK YONG ROSMAH HJ DAHALAN**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2013**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PENGAKUAN

Saya akui disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satu telah saya jelaskan sumbernya



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

2013

.....  
**ADEK YONG ROSMAH HJ DAHALAN**  
**M20081000242**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kudrat yang diberikan saya dapat menyempurnakan disertasi ini dengan jayanya.

Setulus penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak dalam usaha saya melengkapkan tugas ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Penyelia saya, Prof.Madya Dr.Amir Hasan DAwi kerana tanpa bimbingan dan tunjuk ajar beliau tugas ini tentu menjadi lebih sukar. Juga diucapkan terima kasih kerana dapat bersabar membantu saya melengkapkan kajian ini.

Kepada semua pensyarah yang mencerahkan ilmu kepada saya, ia merupakan satu pengalaman yang berharga. Terima Kasih.

Untuk rakan-rakan yang memberikan sokongan, jasa kalian tetap dikenang sepanjang hayat. Tidak lupa juga kepada pelajar-pelajar yang membantu saya dalam proses pengumpulan data kajian.



Buat suami dan anak-anak, terima kasih atas galakan yang diberikan dan mendorong saya memenuhi cita-cita ini.

Terima Kasih

**ADEK YONG ROSMAH HJ DAHALAN**  
SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)  
M20081000242





## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat interaksi antara etnik pelajar di sebuah sekolah menengah di Buntong. Kajian memberi fokus kepada kefahaman pelajar terhadap interaksi etnik dalam pergaulan sehari-hari mereka di Sekolah. Secara khusus terdapat tiga objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti interaksi antara etnik dari sudut pelajar, mengenal pasti bentuk pergaulan pelajar dan mengenal pasti faktor sekolah yang mempengaruhi interaksi antara etnik. Data kajian diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan ke atas dua belas responden. Temu bual berfokus terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu keselesaan dalam menjalin hubungan, kesediaan berinteraksi dengan etnik berbeza dan faktor yang mempengaruhi interaksi. Pemerhatian dilakukan dalam tempoh empat bulan dengan tumpuan diberikan kepada bilik darjah, pusat sumber, tapak perhimpunan, kantin dan aktiviti di sekolah selepas waktu prosedur kajian kualitatif. Kajian mendapati bahawa berlaku pergaulan dan interaksi antara etnik di mana responden menunjukkan tanda-tanda positif terhadap etnik lain. Begitu juga dapat dikesan bentuk-bentuk pergaulan yang berteraskan tujuan, kerjasama, komunikasi dan konflik. Seterusnya didapati bahawa aspek akademik di sekolah menjadi penyumbang utama berlakunya interaksi antara etnik. Namun begitu dikesan bahawa faktor bahasa yang menjadi pemangkin kepada berlakunya interaksi antara etnik perlu dipertingkatkan. Adalah disarankan supaya pihak-pihak terlibat secara berterusan memberi perhatian kepada usaha menggalakkan interaksi antara etnik di sekolah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

## ETHNIC INTERACTION AMONG FORM FOUR STUDENT IN A SCHOOL

### ABSTRACT

This study was conducted to examine the interaction between different ethnic students in a secondary school in Buntong. The research focuses on students' understanding on ethnic interaction based on daily interaction in the school. Specifically, three objectives were set which is to identify inter ethnic interaction from the point of view of the students, to identify the form of interaction and to identify the school factor that contributing for the interaction. The data were obtained through interviews and observation carried out on twelve respondents. The interview focuses on three main components namely the willingness to interact, the readiness to interact and the contributing factor in the interaction. The observation is done in four months particularly in the classroom, library, assembly site, canteen and after-hours activities of teaching and learning. Data were analyzed systematically based on qualitative research procedures. The study found that there has been inter-ethnic interaction in which respondents showed positive signs toward students from other ethnic group. There are also forms of interaction based on purpose, cooperation, communication as well as conflict. The findings indicate the academic aspect of the school has become a major contributor to the inter-ethnic interaction. However, the language factor that become the catalyst for inter-ethnic interaction needs to be improved.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x

<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	1
----------------------------	---

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.7 Definisi Istilah Dan Operasional	20
1.7.1 Sekolah	20
1.7.2 Pelajar	21
1.7.3 Budaya	23
1.7.4 Etnik	25
1.7.5 Integrasi	25
1.7.6 Interaksi	26
1.7.7 Sikap	27
1.8 Kepentingan Kajian	28
1.9 Rumusan	30





<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	<b>32</b>
2.1 Pengenalan	32
2.2 Hubungan etnik di Malaysia	32
2.3 Integrasi Nasional	33
2.4 Sistem Persekolahan di Malaysia	36
2.5 Pelaksanaan Sekolah Wawasan	42
2.6 Kajian Lepas	45
2.7 Teori	53
2.8 Rumusan	58
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>60</b>
3.1 Pengenalan	60
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.3 Pemilihan Latar dan Sampel	61
3.4 Pelaksanaan Temu Bual	62
3.5 Instrumen Kajian	64
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	66
3.7 Kaedah Analisis Data	68
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.9 Batasan Kajian	70
3.10 Rumusan	71
<b>4.0 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>73</b>
4.1 Pengenalan	73
4.2 Analisis Temu Bual	73
4.3 Dapatan Temu bual	76
4.4 Analisis Pemerhatian	138
4.5 Analisis Dapatan Kajian	146
4.6 Rumusan	174





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

viii

<b>BAB 5 : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>176</b>
5.1 Pengenalan	176
5.2 Ringkasan Kajian	176
5.3 Perbincangan dapatan kajian	177
5.4 Implikasi Kajian	185
5.4.1 Implikasi Teori	188
5.5 Cadangan	191
5.6 Rumusan	193
<b>RUJUKAN</b>	<b>194</b>
<b>LAMPIRAN</b>	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ix

## SENARAI RAJAH

### Rajah

1

Kerangka konseptual

### Muka surat

14



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
X

## SENARAI JADUAL

### Jadual

### Muka Surat

1	Bilangan pelajar mengikut etnik dan jantina	74
2	Latar Belakang Responden	75



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah,

kerangka konseptual, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya bab ini akan menjelaskan kepentingan kajian dan definisi istilah dan operasional.



#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Integrasi etnik mempunyai tempat yang penting dalam pembentukan negara Malaysia sejak dari mula penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Usaha-usaha berterusan telah pun dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan keberkesanannya. Setiap agensi kerajaan berusaha keras berganding bahu menjayakan program-program bercorak





integrasi etnik. Begitu juga dengan sumbangan pihak swasta yang ada antaranya memainkan peranan dalam membina dan membentuk kefahaman ke arah pembentukan Malaysia yang bersatu dan terbilang. Hal ini kerana terdapat impak yang begitu ketara atas kejayaan agenda ini atau sebaliknya.

Perlu diakui bahawa sistem pendidikan yang diwujudkan dan dilaksanakan di sesebuah negara sememangnya menjadi satu cara untuk memupuk dan membentuk perpaduan antara etnik. Malaysia sebagai sebuah negara berbilang etnik tidak terkecuali dari kenyataan ini.

Integrasi di Malaysia secara amnya merujuk kepada integrasi nasional.

Integrasi merupakan satu proses dinamik untuk merapatkan masyarakat



sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Proses integrasi nasional di Malaysia melibatkan kumpulan etnik yang berbeza dan aspek budaya tradisional bumiputera diolah untuk menghasilkan satu simbolik bagi melahirkan sebuah budaya kebangsaan. Integrasi dilihat wujud apabila hubungan antara kaum bukan hanya bersandarkan kepentingan tetapi juga rasa bertanggungjawab dalam berkongsi nilai yang sama.

Menurut Ishak Saat (2009), dalam mewujudkan integrasi terdapat dua pemikiran iaitu konsep Malaysian Malaysia dan masyarakat yang mempunyai persamaan antara satu sama lain. Aliran pertama berpandangan





bahawa kemajmukan masyarakat di negara perlu dipelihara dan perpaduan boleh dicapai walaupun dalam masyarakat yang majmuk, manakala aliran kedua berpandangan untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu perlu melalui proses asimilasi supaya dapat membentuk identiti baru Malaysia. Apa yang ingin dipupuk ialah kesedaran nasional kerana sekiranya pegangan etnik masih tebal maka kesedaran nasional masih lemah dan sukar untuk mencapai integrasi nasional.

Pepatah Melayu ada menyatakan, ‘jika hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya’. Bertitik tolak dari pepatah ini, sekolah sebagai institusi terawal dalam sistem pendidikan negara merupakan peringkat yang paling sesuai untuk menyemai dan menanam benih perpaduan.



Sistem pendidikan yang ada di sesebuah negara boleh dan mampu menjadi medium untuk memupuk integrasi etnik dan memperkuuh perpaduan antara etnik. Sekolah sebagai organisasi yang mampu mengumpulkan etnik-etnik di bawah satu bumbung. Anak-anak kecil seawal prasekolah dan darjah satu sudah boleh belajar dan menghayati nilai-nilai murni dan bergaul sesama mereka tanpa ada syak wasangka. Maka di sinilah proses sosialisasi akan berlaku dan perpaduan diwujudkan sebagaimana yang diharapkan oleh sekolah, masyarakat, bangsa dan negara.





Pelbagai dasar dan program telah dijalankan sesudah merdeka sehingga ke hari ini untuk mewujudkan integrasi etnik demi mewujudkan perpaduan dan rasa kasih antara etnik yang berbilang ini. Namun begitu, terdapat banyak cabaran dalam proses ini, di mana perlunya program atau aktiviti bagi memantapkan proses integrasi etnik. Langkah seterusnya yang perlu diambil ialah penampaikan terhadap sebarang kelemahan yang timbul.

Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang dilihamkan oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu adalah Menteri Pelajaran, telah diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sejak 1986. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/2000: Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan (RIMUP), bertujuan membina kerangka memupuk kerjasama antara masyarakat setempat dengan pihak sekolah menerusi pelbagai kegiatan dan aktiviti. Program ini bermatlamat melahirkan generasi Malaysia yang berilmu, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibbah serta mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepada.

Dalam melaksanakan program ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membentuk Jawatankuasa RIMUP, dengan pembentukan jawatankuasa di peringkat negeri, daerah dan gabungan kelompok sekolah rendah dan sekolah menengah serta di peringkat sekolah itu sendiri. Jawatankuasa RIMUP ini menyatukan tiga jenis sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan





Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Manakala, di peringkat sekolah menengah pula, digabungkan pula Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Program ini bertujuan supaya murid-murid ini dapat berinteraksi dan perpaduan akan wujud.

Walaupun program ini telah berjalan selama 26 tahun, yakni bermula pada tahun 1986, namun sentiasa diberi penambahbaikan untuk proses integrasi antara etnik berlaku. Saban tahun program RIMUP ini dibuat dengan peruntukan belanjawan yang disalurkan.

Dalam Laporan Tahunan 2006 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM),

Jabatan Pelajaran Perak telah memasukkan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) sebagai salah satu program utama dalam belanjawan berjumlah RM460.000.00, khusus untuk memupuk perpaduan

dalam kalangan pelajar berbilang etnik di negeri Perak. Sebagai contohnya, di Zon 4, Kinta Utara, Ipoh, Perak (SMK ACS, Ipoh, SMK Seri Puteri, Ipoh,

SMK Sungai Pari (L), Ipoh, SMK Seri Ipoh, Ipoh, SMK Kledang, Ipoh dan SMK Menglembu, Ipoh, SMK Buntong, Ipoh) yang melibatkan sekolah yang dijadikan tempat kajian juga terlibat dalam program RIMUP ini. Selama lima hari berturut-turut, pelajar-pelajar daripada berbilang etnik menjalani pelbagai aktiviti yang menjurus kepada hubungan dan perpaduan etnik.

Aktiviti dijalankan dalam bentuk perkhemahan di mana pelajar-pelajar ini dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang pelbagai etnik dan daripada sekolah-sekolah yang berlainan. Mahu tidak mahu, anak-anak ini harus berinteraksi dan bekerjasama untuk menyelesaikan sebarang





tugasan yang diberikan. Tidak berhenti di situ sahaja, pelajar-pelajar ini harus berkongsi pengalaman dan idea-idea baru serta bernalas untuk dikongsikan pula bersama-sama rakan-rakan apabila mereka pulang ke sekolah masing-masing kelak. Pengalaman yang dibawa pulang akan sedikit sebanyak dilihat mampu memberi suntikan perpaduan dalam integrasi etnik. Jikalau sebelum ini mungkin ada ruang salah faham dan was-was, akan terungkai walaupun peratusnya rendah. Generasi muda ini perlu diberi peluang awal oleh semua pihak untuk memahami erti perpaduan dengan cara dan amalan ke arah menjadi rakyat yang bersatu padu dan hidup makmur pada masa hadapan.

Menurut Omar Mohd. Hashim (1993), sekolah patut diterima sebagai institusi “pendidikan” bukan institusi “pelajaran” kerana memberikan pelajaran hanya satu daripada fungsi sekolah. Sebagai institusi pendidikan tugas sekolah lebih meluas dan meliputi aspek akademik, kurikulum dan tatasusila yang dinyatakan sama penting. Di sinilah program seperti RIMUP menjelaskan dan menterjemahkan fungsi sekolah sebagai institusi “pendidikan” di mana kumpulan-kumpulan pelajar terpilih daripada sekolah-sekolah yang dikenal pasti, akan duduk di bawah satu bumbung, tanpa mengira etnik dan warna kulit, dididik, diasuh untuk menerima etnik lain sebagai keluarga. Mengambil contoh program RIMUP di peringkat sekolah rendah, di mana tiga buah sekolah yang masing-masing berbeza bahasa pengantarnya, perlu bergabung menjalankan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada intergrasi etnik dan perpaduan dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. Pelajar-pelajar ini, diterapkan dengan nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri setiap warganegara





sebagai generasi pemimpin masa hadapan. Di sinilah sekolah berfungsi sebagai institusi untuk “mendidik”.

Kerajaan telah merangka dan memberi penekanan kepada beberapa dasar dalam bidang sosioekonomi yang menjurus kepada integrasi nasional dan keharmonian masyarakat. Antaranya, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru. Dasar-dasar tersebut diperkuuhkan lagi dengan memperkenalkan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan.

Dasar Pelajaran negara berlandaskan Penyata Razak (1956) yang memberi tumpuan kepada pembinaan satu bangsa yang kukuh dan bersatu padu menerusi penggunaan kurikulum yang sama, buku teks yang sama, peperiksaan yang sama dan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam sistem persekolahan secara keseluruhannya. Namun, persoalan mengenai integrasi masyarakat secara amnya dan dalam kalangan pelajar secara khususnya masih menjadi tumpuan para pengkaji sains sosial sehingga kini. Masih banyak terdapat faktor-faktor yang menghalang kepada pembentukan integrasi nasional terutamanya menerusi sistem persekolahan.

Sejauh manakah mata pelajaran yang berunsur kenegaraan seperti Sejarah mahupun Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, berjaya memupuk penghayatan mereka terhadap budaya pergaulan dengan etnik lain? Kaedah-kaedah yang paling baik perlulah dikenal pasti supaya dapat membantu memperkuuhkan integrasi etnik di sekolah seterusnya mengurangkan prejudis, stereotaip, dan polarisasi kaum. Berdasarkan





Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6/2004: Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di Sekolah Rendah dan Menengah, dengan jelasnya melahirkan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membentuk murid yang seimbang serta dapat memberi sumbangan terhadap aspek kesejahteraan keluarga serta memberi kesan ke arah kesedaran dan perpaduan kaum.

Selain itu, mata pelajaran Pendidikan Sivik dan kewarganegaraan ini mempunyai matlamatnya sendiri untuk melahirkan warganegara yang peka terhadap hak dan tanggungjawab mereka serta menghargai perpaduan dan kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia.

Rukun Negara merupakan aspek kurikulum yang tersirat yang memerlukan penghayatan dan kesedaran pelbagai pihak yang terlibat dengan organisasi sekolah. Menurut Sufean S Hussin (2008), kesedaran tentang peranan Rukun Negara sebagai falsafah kewarganegaraan dalam membina masyarakat yang bersatu padu dan harmonis boleh dicapai dengan berkesan sekiranya diamalkan dengan kerap serta unsur-unsurnya dijalankan bersama-sama dengan kurikulum pendidikan.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 17/2000: Penubuhan Kelab Rukun Negara di Sekolah-sekolah, dengan jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia sedar akan wujudnya kelemahan diri pelajar dalam menghayati Rukun Negara yang bakal menggoyah malah akan mampu menggagalkan usaha ke arah pembentukan negara yang bersatu padu dalam sebuah negara yang berbilang etnik ini.





Semua sekolah menengah di seluruh negara diminta menu buhkan Kelab Rukun Negara mulai 2001 serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada penghayatan terhadap Rukun Negara dengan lebih baik lagi. Bagi sekolah yang mempunyai majoriti satu etnik dicadangkan untuk menjalankan aktiviti bersifat integrasi dengan sekolah-sekolah lain. Bagi sekolah yang tidak berupaya menu buhkan Kelab Rukun Negara, haruslah menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan penghayatan terhadap semua prinsip Rukun Negara.

### 1.3 Penyataan Masalah

Kepelbagai an budaya, adat resam, kepercayaan dan agama dalam kalangan rakyat menjadikan Malaysia sebagai negara yang unik dan berbeza berbanding dengan negara-negara lain. Keunikan dan sifat kompleks ini bukan penghalang untuk rakyat terus hidup dalam suasana aman damai, bersatu padu dan bertoleransi tanpa mengira kaum, malah keunikan dan sifat kompleks inilah menjadi aset dan daya penarik kepada masyarakat dunia mengenali masyarakat Malaysia. Pelbagai dasar telah dilaksanakan sejak sekian lama dalam usaha untuk menyemai dan mengukuhkan rasa hormat menghormati dan integrasi antara etnik di Malaysia. Tindakan yang paling berani dilaksanakan ialah apabila Sekolah Wawasan diperkenalkan pada 26 Mei 2006 dalam sistem pendidikan negara kita.

Sekolah Wawasan adalah sekolah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau





agama. Di bawah konsep ini, dua atau tiga buah sekolah rendah berlainan aliran ditempatkan dalam kawasan yang sama. Setiap sekolah ini mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu sama lain dengan menggunakan jambatan penghubung. Antara tujuan utama dan matlamat Sekolah Wawasan adalah untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang berbagai-bagai etnik dan latar belakang dan untuk memupuk semangat integrasi antara pelajar dari pelbagai aliran. Selain itu, Sekolah Wawasan bertujuan melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu. Sekolah Wawasan juga dibina dengan harapan dapat menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.



Kaedah mewujudkan sekolah wawasan ini secara relatifnya dapat menjamin terbentuknya hubungan yang mantap antara etnik. Walau bagaimanapun, bagi murid-murid yang hanya belajar di sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular selama enam tahun, adalah penting bagi kita untuk menilai hubungan etnik yang terjalin apabila mereka belajar bersama-sama di sekolah menengah.

Dalam kajian ini, persoalan yang dikupas adalah bagaimana sikap pelajar sekolah yang menjadi responden kajian terhadap interaksi etnik, bentuk-bentuk interaksi dalam kalangan pelajar yang memantapkan proses interaksi dan apakah faktor-faktor dalam sekolah yang mempengaruhi





interaksi antara etnik yang berlaku dalam situasi sekolah. Selain itu, dilihat bagaimakah sistem pendidikan yang merangkumi kurikulum dan kurikulum mampu melahirkan pelajar yang mempunyai nilai integrasi yang tinggi dalam pergaularan sehari-hari mereka.

Berdasarkan kepada situasi masa kini, masih banyak perkara yang perlu dikaji dan perlu dicapai melalui sistem pendidikan negara. Salah satunya, ialah integrasi nasional yang menjadi salah satu matlamat pokok Dasar Pendidikan Negara. Sejauh manakah sistem pendidikan negara yang wujud sejak merdeka telah memenuhi hasrat melahirkan masyarakat majmuk yang bersatu padu yang mempunyai kesanggupan dan kesediaan dalam pergaularan mereka sebagai rakyat Malaysia.

Pelajar di sekolah menengah dilihat sebagai individu yang boleh membuat pilihan sendiri dalam pergaularan mereka, namun perlu dididik mengenai pemilihan mereka agar integrasi terjalin dengan rakan mereka yang pelbagai etnik tersebut.

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat realiti sebenar di sebalik tiadanya laporan dan rekod disiplin yang membabitkan pergaduhan dan sengketa antara pelajar berlainan etnik. Daripada jumlah populasi pelajar di sekolah yang dikaji, 50% pelajar adalah daripada etnik India, 49% etnik Cina dan 1% adalah etnik Melayu. Adakah dengan pencapaian rekod dan laporan bersih ini membawa maksud setiap etnik ini tidak bergaul langsung menyebabkan tidak berlaku sebarang sengketa dan perselisihan faham sesama mereka?

Atau sememangnya interaksi telah berlaku dengan





jayanya sehingga tidak mewujudkan babit-babit sengketa antara mereka?

Namun, apa yang diperhatikan oleh pengkaji, tidak wujud interaksi antara etnik ini secara jelas, tepat dan terang-terangan. Jika berlaku interaksi, adakah pergaulan dan interaksi ini berlaku atas sebab-sebab tertentu? Apakah faktor-faktor yang membuatkan keadaan ini berlaku?

Pengkaji berpendapat, adalah penting untuk melihat budaya pergaulan dan interaksi pelajar berlainan etnik di sekolah ini setelah tiada laporan disiplin membabitkan etnik yang berlainan. Pengkaji ingin melihat sikap pelajar sendiri terhadap persoalan interaksi etnik, bentuk-bentuk interaksi yang mereka pamerkan serta faktor-faktor yang menggalakkan mereka untuk berinteraksi. Melalui hasil kajian ini, bolehlah pihak sekolah menjalankan aktiviti yang lebih tersusun rapi yang mampu menyatukan generasi muda



sistem pendidikan yang merangkumi kurikulum dan kokurikulum dalam usaha mewujudkan interaksi dalam kalangan pelajar sekolah secara khususnya yang seterusnya dalam pergaulan sehariannya mereka di luar sekolah. Sekiranya kita benar-benar menginginkan sistem pendidikan berfungsi dalam memperkuuhkan integrasi etnik, beberapa aspek perlu diambil kira seperti sikap pelajar terhadap interaksi antara etnik, bentuk interaksi yang ditonjolkan dalam pergaulan sehariannya mereka dan faktor penggalak atau penghalang berlakunya interaksi pelajar antara etnik. Seterusnya, meneliti usaha-usaha penambahbaikan terhadap aspek-aspek yang berkaitan.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti pergaulan dan interaksi antara etnik dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1.4.1 Mengenal pasti sikap pelajar terhadap interaksi etnik di sebuah sekolah.

1.4.2 Mengenal pasti bentuk pergaulan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah.

1.4.3 Mengenal pasti faktor dalam sekolah yang mempengaruhi interaksi etnik di sebuah sekolah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif-objektif di atas, kajian ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan berikut:

1.5.1 Apakah sikap pelajar tingkatan empat di SMK Buntong, Ipoh, terhadap interaksi etnik di sekolah?


1.5.2 Apakah bentuk interaksi antara etnik pelajar tingkatan empat di SMK Buntong, Ipoh?

1.5.3 Apakah faktor-faktor dalam sekolah yang mempengaruhi interaksi antara etnik di SMK Buntong, Ipoh?



## 1.6 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.



Rajah 1:Kerangka Konseptual yang diubah suai berdasarkan Teori Pilihan Rasional yang diasaskan oleh Coleman (1989)

Berdasarkan Rajah 1, yang diubah suai berdasarkan Teori Pilihan Rasional yang diasaskan oleh Coleman (1989), penekanan dilakukan terhadap sekolah sebagai institusi penting yang menjadi institusi awal yang berperanan memperkuuhkan interaksi etnik seterusnya integrasi nasional selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia.



Pendedahan awal tentang nilai-nilai integrasi terhadap pelajar sekolah pelbagai latar belakang etnik diharapkan mampu merealisasikan hasrat membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Dalam kajian ini, pengkaji ingin meneliti interaksi atau budaya pergaularan dalam kalangan pelajar sekolah iaitu pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Buntong, Ipoh, Perak.

Pendidikan menengah atas, yakni pelajar tingkatan empat dan lima, merupakan murid-murid yang dikelaskan ke aliran sains, aliran kemanusiaan dan kemasyarakatan, teknik dan vokasional, berdasarkan pencapaian keseluruhan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pelajar dalam kajian ini merujuk kepada pelajar menengah atas iaitu pelajar Tingkatan Empat yang terdiri daripada etnik Cina dan India. Pendidikan sekolah menengah

mempunyai perbezaan daripada pendidikan sekolah rendah kerana tidak terasing mengikut pengkategorian vernakular. Oleh yang demikian, pendidikan sekolah menengah lebih menepati dasar pendidikan untuk perpaduan seperti yang dianjurkan oleh Penyata Razak (1956). Oleh sebab itu, pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ke atas pelajar Tingkatan Empat yang merupakan pelajar menengah atas yang juga bersifat lebih matang.

Sekolah sebagai tempat berkumpulnya pelajar-pelajar berbilang etnik di peringkat awal. Guru dalam kajian ini bertindak sebagai pengkaji yang mencari maklumat dan sebagai pemerhati terhadap responden yang dipilih. Pengkaji melihat proses pergaularan dan integrasi etnik bersandarkan





kepada teori-teori yang bersesuaian. Dalam kajian ini, teori yang digunakan ialah Teori Pilihan Rasional dan Teori Interaksionisme Simbolik.

Kurikulum dalam kajian ini dilihat sebagai aktiviti atau saluran interaksi pelajar dalam konteks sekolah. Budaya pergaulan pelajar semasa di sekolah terjalin melalui kegiatan kurikulum dan aktiviti sekolah sama ada yang melibatkan interaksi sesama etnik atau etnik yang berlainan. Kurikulum sekolah melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah bagi mata pelajaran biasa atau teras, manakala mata pelajaran seperti Fizik, Kimia dan Biologi dijalankan di makmal-makmal sains yang tertentu. Lukisan Kejuruteraan dijalankan di bengkel Lukisan Kejuruteraan dan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dijalankan di padang. Selain itu, perhimpunan pagi juga sebagai salah satu aspek wajib dalam kurikulum.



Merujuk Ramlan Abd. Wahab (2002), kurikulum adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan, berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh. Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek, disiplin kendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kecintaan kepada alam semula jadi, kewarganegaraan dan kesetiaan kepada bangsa dan negara, kebudayaan, integrasi nasional, dan sebagainya akan membantu murid menentukan hala tuju kehidupan masa depannya.





Waktu senggang seperti waktu sebelum perhimpunan pagi, di mana sekolah yang dikaji menjalankan Program Bacaan Pagi yakni program membaca dalam kumpulan, tanpa mengira tingkatan, etnik dan jantina. Program membaca dalam kumpulan ini bermula sebaik sahaja pelajar-pelajar sampai ke sekolah dan akan duduk di dataran kejat. Aktiviti membaca dalam kumpulan ini membenarkan pelajar, sama ada berbincang atau membaca bahan akademik. Guru-guru bertugas akan memantau aktiviti ini agar berjalan lancar. Selain itu juga, waktu rehat, dan waktu ‘Nadi Ilmu Amalan Membaca’ (NILAM), waktu di mana pelajar-pelajar terlibat adalah pelajar yang tidak mengambil Bahasa Tamil dan Bahasa Cina akan masuk ke Pusat Sumber Sekolah (PSS) untuk aktiviti membaca sepenuhnya. Waktu balik juga adalah dalam pemerhatian pengkaji.



Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan kesinambungan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dengan cara mempunyai komponen pembelajaran yang sama, kaedah pengajaran yang memberi perhatian kepada kategori keupayaan murid dan konsep penilaian berterusan di samping mengekalkan ciri kurikulum yang komprehensif yang menggabungkan sifat akademik dan vokasional. Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah pula hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada prinsip unsur-unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Perlembagaan Negara.





Seterusnya, merujuk pada Rajah 1, pengkaji meneliti proses pergaulan atau interaksi pelajar dalam kegiatan kurikulum dan aktiviti sekolah terpilih dengan bersandarkan kepada Teori Pilihan Rasional dan Teori Interaksionisme Simbolik. Proses pergaulan atau interaksi dalam kajian ini difokuskan kepada interaksi yang berlaku antara seorang pelajar dengan pelajar lain yang berbeza latar belakang etnik. Misalnya, pergaulan antara pelajar etnik India dengan pelajar dari etnik Cina. Kajian ini dijalankan bagi meneliti sikap dan bentuk-bentuk interaksi etnik yang terjalin dalam proses pergaulan dengan menggunakan prinsip yang terkandung dalam Teori Pilihan Rasional. Mengenal pasti pilihan individu dalam menentukan bentuk-bentuk interaksi serta faktor pendorong dan penghalang yang wujud dalam pemilihan tersebut menjadi tujuan utama pengkaji.





- a. Individu mempunyai matlamat dan kecenderungan berbeza
- b. Individu bertindak untuk memaksimumkan ganjaran material dan kedudukan sosial
- c. Tingkah laku individu merupakan fungsi sentimen peribadi dan kepercayaan terhadap kelompok sebayanya
- d. Semasa individu bertindak ke atas pilihan tingkah laku yang dibuat, individu berkenaan akan mewujudkan ikatan sosial yang lebih erat dengan individu lain yang terlibat; dan
- e. Apabila individu gagal memaksimumkan kepuasan melalui pelbagai dimensi kumpulan sosial yang wujud dalam masyarakat, dia akan berpaling kepada soal-soal keagamaan dan ketuhanan.



Bersandarkan justifikasi di atas, teori ini dilihat mampu menyelami persoalan perpaduan yang masih wujud di sebalik usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan.

Selain itu, Teori Interaksionisme Simbolik yang begitu banyak dikaitkan dengan George Herbert Mead membincangkan peranan individu dalam sesuatu sistem sosial dan melihat bagaimana seseorang itu menginterpretasi dan bertindak menurut kemahuan masing-masing dalam masyarakat. Perlakuan atau aksi individu yang subjektif ini ditafsirkan dan diperjelaskan kepada masyarakat. Teori ini mempunyai dua asas pemerhatian yang penting iaitu pertamanya ia mengkaji makna simbolik atau makna yang tersirat





secara subjektif dan seterusnya, yakni asas kedua melihat pula bagaimana makna yang dilihat simbolik itu tadi digunakan dalam interaksi manusia (dalam Amir Hasan Dawi, 2006).

Menurut Blumer (1969) pula mengembangkan teori ini interaksionisme simbolik ini dengan memberikan tigauraian penting mengenai konsep makna. Pertama adalah perlu memahami makna mengikut konteks penggunaan dan kedua makna yang simbolik itu digunakan semasa berinteraksi yang akan menyebabkan hubungan bertambah mesra, elok dan baik. Ketiga, makna yang diinterpretasikan itu sama ada boleh diterima atau tidak adalah satu perkara yang boleh dirundingkan. Oleh itu dapat dikatakan bahawa interaksionisme simbolik melihat bagaimana individu membentuk dan dibentuk oleh interaksinya dengan orang lain (dalam Amir Hasan Dawi,



## 1.7 Definisi Istilah Dan Operasional

### 1.7.1 Sekolah

Sekolah sebagai institusi awal dalam dunia pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pencapaian agenda negara khususnya perpaduan. Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi teras kepada sistem pendidikan dibentuk bagi memastikan semua faktor yang berkait rapat dengan sekolah dan pendidikan bergerak seiring ke arah merealisasikan agenda negara, lebih-lebih lagi berkaitan interaksi etnik dalam kalangan pelajar.





Sufean Hussin (2008) merujuk sekolah sebagai sebuah organisasi berbentuk pendidikan yang meletakkan semua kaum dan etnik di bawah satu bumbung dan menjalani satu sistem yang sama. Secara relatifnya, hal ini akan membolehkan setiap etnik itu mengenali, mempelajari dan menghormati pelbagai budaya yang wujud yang mana akan memudahkan mereka menjalani proses sosialisasi dengan lebih mudah. Bertitik tolak dari semangat ini, diharapkan perpaduan sebagai elemen terpenting dalam masyarakat pelbagai kaum dapat diwujudkan bagi menjamin kesinambungan keamanan dan kemajuan negara.

Kajian ini melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK),



yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dengan memfokuskan pelajar yang berada di tingkatan empat. Sekolah dipilih untuk memerhati sikap pelajar terhadap interaksi etnik, bentuk-bentuk interaksi etnik serta faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi etnik yang wujud di sekolah.



### 1.7.2 Pelajar

Merujuk kepada Sufean Hussin (2008:128), hakikat sebuah pendidikan adalah berfokus kepada pelajar dan pembelajaran dengan pelajar ditakrifkan sebagai:





*Individu manusia yang menjangkaui batasan usia, iaitu dari saat kelahiran sehingga ke saat kematian dan menjangkaui segala kategori, peringkat, jenis, matlamat, bidang, konteks dan situasi. Selagi hayat di kandung badan selagi itulah manusia belajar , iaitu manusia menerima pengalaman, nilai dan kepercayaan baharu tentang segala yang dialami melalui pancaindera dan pertimbangan akal dan fikiran dan hati. Pelajar itu mempunyai keupayaan untuk menskemakan segala pengalaman untuk memahami keadaan dan kewujudan dirinya dan alam semesta dan seterunya dapat membezakan di antara yang hak (benar) dan daripada yang batil(palsu).*

Pelajar merupakan pelanggan utama yang mewarnai institusi



hala tuju negara pada masa depan. Jikalau kejayaan dan kestabilan negara hari ini dijadikan cerminan keberkesanan sistem pendidikan terdahulu, maka seharusnya kelompok remaja hari ini adalah membawa maksud yang sama untuk masa depan.

Dalam kajian ini, responden terlibat merupakan pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Buntong, Ipoh. Mereka terdiri dari pelbagai etnik dan datang dari ketiga-tiga aliran sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.





### 1.7.3 Budaya

Menurut Huntington (1999), budaya ialah tentang cara hidup, amalan dan kepercayaan dalam masyarakat. Secara ringkasnya, budaya boleh didefinisikan sebagai aspek persamaan yang dikongsi bersama dan mengikat individu dalam sesebuah masyarakat untuk memiliki simbol, idea, semangat, aspirasi dan visi yang sepunya serta berbeza dengan kelompok masyarakat lain. Namun, perbezaan budaya dalam kalangan masyarakat adalah sesuatu yang normal lebih-lebih lagi di negara Malaysia yang mempunyai rakyat pelbagai etnik. Shipman (1975) (dalam Mohd. Salleh Lebar 2007:55) pula memberi definisi budaya sebagai;



*'Culture defines the relation between the individual, as act to the other actors and the situation that they are in.'*



Secara ringkasnya ia membawa maksud dan pengertian bahawa budaya ialah kelakuan manusia berdasarkan kelompok-kelompok tertentu yang merangkumi aspek pemikiran, sikap dan kepercayaan dan tindakan yang menjadi kebiasaan.

Merujuk kepada Amir Hasan Dawi (2006), budaya sekolah merupakan sebahagian dari budaya masyarakat dan sekolah wujud daripada keperluan masyarakat. Di sekolah, kanak-kanak dididik untuk berbudaya sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakatnya. Pembudayaan di sekolah dilaksanakan melalui kurikulum formal dan





tidak formal. Pendidikan di Malaysia mengutamakan penerapan nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran yang tentunya bertujuan membina budaya bangsa.

Parson (1951) (dalam Salleh Lebar 2007), mengatakan pula terdapat tiga corak budaya sekolah, iaitu budaya instrumental, budaya ekspresif dan budaya moral. Budaya instrumental lebih menekankan kepada matlamat sekolah yang lebih menjurus kepada orientasi peperiksaan sekolah dan melahirkan pelajar berakhhlak mulia. Budaya ekspresif pula lebih kepada kegiatan yang mendatangkan kepuasan dan nilai-nilai afektif, kesenian, muzik dan kegiatan kreatif di mana hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat kerana bidang ini tidak mempunyai nilai-nilai ekonomi yang tinggi. Manakala budaya moral membawa pengertian menyatupadukan kumpulan menerusi perkongsian idea yang sama. Pada kebiasaannya pihak sekolah akan mendenda pelajar yang melanggar disiplin dan mengenakan peraturan-peraturan tertentu untuk menjadikan pelajar-pelajar berdisiplin dan bermoral.

Dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada budaya pergaulan yakni bentuk interaksi yang diamalkan oleh para pelajar tingkatan empat apabila bergaul bersama rakan yang berlainan etnik dan budaya. Pengkaji ingin meneliti bentuk-bentuk pergaulan pelajar yang terlibat bagi mengetahui kesannya terhadap proses interaksi. Kajian ini melihat budaya pergaulan dalam kalangan pelajar sebagai salah satu cara mengintegrasikan masyarakat secara menyeluruh.





#### 1.7.4 Etnik

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat, 2004), etnik merujuk kepada sesuatu kaum atau masyarakat majmuk yang mempunyai kelompok, yang hidup berlainan tetapi di bawah sistem politik yang sama.

Menurut Mansor (2006), terdapat dua dimensi dalam pengertian konsep etnik, iaitu dimensi subjektif dan objektif. Dimensi subjektif adalah berkaitan dengan kesedaran tentang kewujudan satu identiti etnik, perasaan kekitaan dan kesedaran kepentingan bersama. Manakala dimensi objektif pula adalah persamaan ciri-ciri kebudayaan seperti bahasa, kesenian, pakaian dan adat istiadat yang dikongsi bersama.



pustaka Etnik India mewakili 50% daripada populasi sekolah yang dikaji, manakala etnik Cina 49% dan etnik Melayu 1%. Seramai empat pelajar daripada etnik Cina dan lapan orang pelajar daripada etnik India dipilih untuk menjadi responden pengkaji bagi memenuhi objektif kajian.



#### 1.7.5 Integrasi

Menurut Sufean (1996), integrasi bermaksud menyatukan etnik-etnik atau kelompok-kelompok yang terasing pada asalnya kepada satu bentuk lain yang tersendiri. Manakala Shamsul Amri Baharudin (2008) pula menyatakan bahawa integrasi adalah bersifat penyatuan di mana sifatnya itu tadi berlawanan dengan segregasi





yang bemaksud perpecahan dalam konteks Malaysia hari ini. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat, 2004) pula memberi maksud ringkas iaitu penggabungan atau penyatuan beberapa kaum menjadi satu kesatuan.

Integrasi bermaksud menyatukan entiti atau komponen yang terasing pada asalnya kepada satu bentuk lain yang tersendiri. Satu kesatuan baru yang terbentuk biasanya mempunyai ciri-ciri baru yang berlainan daripada ciri-ciri entiti-entiti yang membentuknya. Integrasi kaum dalam erti kata sebenar dapat diwujudkan dan konsep penggabungan ciri-ciri persamaan dan juga pengimbangan jurang ketidaksamaan dalam pelbagai aspek. Bagi situasi di Malaysia yang mempunyai rakyat pelbagai etnik, cara hidup dan budaya tersendiri, faktor yang menjadi penghalang dalam usaha pembentukan integrasi nasional ialah kaum, agama dan geografi (Sufean Hussin, 2008).



Pengkaji menumpukan integrasi dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMK Buntong, Ipoh, Perak, bagi mengenal pasti bentuk interaksi yang terjalin dalam pergaulan sehari-hari mereka dengan individu yang berlainan etnik.

### 1.7.6 Interaksi

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat, 2007), menterjemahkan interaksi sebagai tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, yakni tindak balas antara dua atau beberapa pihak.





Menurut Amir Hasan Dawi (2006), terdapat beberapa dimensi isu sosiologikal yang saling berkaitan dan mempunyai perkaitan dengan interaksi serta pedagogi sekolah. Konflik-konflik interaksi ini termasuklah interaksi yang berlaku antara murid dengan murid, murid dengan guru dan tidak ketinggalan pihak pentadbir sekolah yang berkaitan isu-isu kelas sosial, etnik dan gender. Secara umumnya, isu-isu latar belakang yang wujud dalam masyarakat seperti kelas sosial, etnik dan gender dikatakan sering mempengaruhi pelajar-pelajar dalam interaksi mereka di sekolah terutamanya dengan rakan-rakan sebaya mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat interaksi pelajar-pelajar yang memang telah dipilih dengan rapinya mengikut latar belakang yang sesuai untuk mengumpul data kajian. Selain itu, pemerhatian juga dibuat bagi melihat interaksi yang berlaku sepanjang tempoh pengumpulan data.



### 1.7.7 Sikap

Menurut Abd.Rahim Abd.Rashid (2001), sikap adalah satu konsep yang penting yang boleh menentukan pembentukan sebuah negara yang bersatu-padu. Terdapat dua sikap dalam masyarakat iaitu sikap positif dan negatif. Sikap positif adalah menyokong kemahuan majoriti, misalnya integrasi nasional adalah kemahuan ramai. Manakala, sikap negatif adalah penentangan yang dilakukan untuk menjaga kepentingan masing-masing. Oleh itu, penyebaran pengaruh





untuk mendapatkan sokongan untuk sesuatu sikap adalah penting kerana akan menentukan pembentukan sikap yang teramai.

Sikap merupakan pancaran nilai-nilai hidup seseorang. Ada kalanya seseorang perlu menentukan sikapnya terhadap sesuatu, iaitu pendirian yang diambil bagi menjelaskan dan mempertahankan haknya tentang sesuatu. Menilai dan mengukur sikap orang lain sering kali dilakukan mengikut sentimen, pandangan yang tidak benar terhadap seseorang (Abd Rahim Abd Rashid, 2001).

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada konsep sikap dengan merujuk kepada tingkah laku dalam kalangan pelajar sewaktu berinteraksi dengan kumpulan etnik yang lain.



## 1.8 Kepentingan Kajian

Isu integrasi nasional dalam kalangan pelajar mampu memupuk disiplin pelajar. Justeru itu, penelitian dan kajian demi kajian dilakukan oleh pelbagai pihak berkaitan isu integrasi ini. Pelajar harus dididik dengan nilai-nilai interaksi dan budaya pergaularan dengan rakan berlainan etnik. Bentuk-bentuk interaksi yang wujud memerlukan pemerhatian pelbagai pihak yang terlibat dengan organisasi sekolah khususnya guru.

Kajian ini penting dalam mengenal pasti faktor pendorong dan penghalang interaksi antara etnik yang penting dalam melahirkan rakyat yang bersemangat nasionalis dan patriotik. Kurikulum dan kokurikulum yang turut diambil kira dalam kajian ini memainkan peranan untuk





membantu pihak sekolah mempelbagaikan strategi dan pelaksanaan usaha-usaha ke arah penyatuan rakyat bermula dari bangku sekolah.

Pembangunan nilai interaksi dalam diri pelajar diperlukan agar sentiasa bersikap positif terhadap kumpulan-kumpulan etnik lain. Oleh itu, budaya pergauluan pelajar dengan rakan mereka yang berlainan etnik perlu dikukuhkan dengan cara mendedahkan mereka kepada cara hidup, keadaan dan masalah etnik lain.

Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini ke atas pelajar sekolah menengah kerana sistem pendidikan dijadikan saluran utama dalam usaha mewujudkan integrasi. Sikap pelajar terhadap etnik lain yang dapat diketahui pada akhir kajian ini nanti dapat membantu pihak sekolah mengatur kaedah



pengajaran dan pembelajaran yang lebih strategik agar memenuhi kehendak pelajar pelbagai latar belakang etnik.



Kajian ini diharap dapat membantu pihak sekolah secara khususnya menyusun program-program yang dapat memupuk integrasi etnik dalam kalangan pelajar. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dalam merancang program sekolah yang melibatkan pelajar pelbagai etnik dengan mengatasi faktor-faktor penghalang dan mengenal budaya pergauluan pelajar. Misalnya, program integrasi seperti RIMUP antara sekolah dalam zon-zon tertentu dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan untuk merancang dan menyediakan program yang lebih menarik dan mantap.





Dapatan kajian ini akan mengemukakan beberapa langkah untuk memantapkan lagi integrasi dalam kalangan pelajar sekolah yang boleh dijadikan panduan oleh pihak sekolah. Pemantapan hubungan antara etnik ini penting dalam memastikan masyarakat Malaysia yang pelbagai latar budaya kekal bersatu-padu dan hidup harmonis.

Hasil kajian ini turut dapat digunakan oleh Kementerian Pendidikan sebagai panduan dalam merangka pelbagai strategi ke arah penyatuan pelajar pelbagai etnik bermula dari peringkat sekolah lagi. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada mereka yang ingin membuat penyelidikan seumpama dengannya.

### 1.9 Rumusan



Secara ringkasnya, dalam kajian ini pengkaji berhasrat meneliti sikap pelajar terhadap integrasi etnik, bentuk-bentuk interaksi yang dijalankan dalam pergaulan seharian mereka di sekolah dan mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada pengukuhan interaksi antara etnik dan seterusnya integrasi nasional. Kajian ini memilih pelajar tingkatan empat SMK Buntong, Ipoh bagi memerhatikan budaya pergaulan dalam kalangan pelajar pelbagai etnik ketika aktiviti kurikulum dan aktiviti terpilih sekolah. Sikap pelajar ketika bergaul dengan etnik lain diperhatikan dan pengkaji mengaitkan dengan prinsip Teori Pilihan Rasional dan Teori Interaksionisme Simbolik.





Kajian-kajian sedia ada ke atas interaksi kaum contohnya oleh Santhiram (1995), bertumpu kepada pandangan dan pendapat pihak lain seperti guru, kakitangan awam dan swasta, pentadbir, eksekutif dan lain-lain. Jarang sekali kajian dilakukan dengan mengambil kira pandangan dan pendapat pelajar-pelajar sebagai responden tunggal. Kajian ini cuba untuk mendapatkan maklumat dari sudut pandangan pelajar sekolah sahaja. Oleh itu, pengkaji melihat kajian ini sebagai penting dalam konteks perkembangan negara hari ini khususnya berkaitan interaksi pelajar pelbagai latar belakang etnik di sekolah.

